

22/12/1997

Pelancongan berpotensi atasi kemelut

RAMAI pelancong ke Thailand sejak kebelakangan ini mendapati ramai kalangan pemandu pelancong mereka, sebelum ini memegang jawatan tinggi dalam sektor kewangan. Peniaga kaki lima yang menjual makanan pula berbicara mengenai indeks Dow Jones, kerana mereka adalah bekas remisier. Mereka adalah sebahagian rakyat yang dihimpit kegawatan ekonomi paling buruk melanda negara itu. Keadaan semakin mendesak sehingga memaksa ramai meletakkan jawatan dan menyertai pelbagai kegiatan yang ada hubungkaitnya dengan pelancongan. Kerajaan Thailand kini mengambil langkah mengalihkan penganggur baru ke sektor yang lebih kukuh iaitu pelancongan. Mereka yakin industri pelancongan atau kegiatan berkaitan dengannya seperti makanan dan pengangkutan terus adalah saluran pekerjaan yang paling sesuai ketika ini bagi mengelakkan ramai menganggur.

Kejatuhan nilai won Korea sehingga memaksa negara itu meminta bantuan dana Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) pula, tidak menghilangkan keyakinan pengusaha industri pelancongan di negara itu. Sebaliknya, mereka menyusun pelbagai program menarik untuk menarik lebih ramai pelancong Asia Tenggara termasuk Malaysia berkunjung ke sana. Sepanjang bulan ini, Pertubuhan Pelancongan Kebangsaan Korea (KNTO) memperkenalkan pakej pelancongan musim sejuk bertemakan 'Sorakan Snow Paradise'. Mereka yakin ramai penduduk di Asia Tenggara yang negara mereka tidak mempunyai salji, walaupun kini 'miskin' kerana kejatuhan mata wang, tetap mahu datang ke Korea melihat hujan ais semula jadi anugerah Tuhan itu.

KNTO dengan kerjasama syarikat penerbangan di Malaysia dan konsortium 11 ejen pelancongan tempatan mengunjurkan mencatat pertumbuhan kemasukan pelancong pada kadar purata 15 peratus bagi pakej itu. Pengusaha pelancongan Korea Selatan percaya dengan adanya pakej menarik, pelancong dari Asia Tenggara tetap berpeluang melawat Korea dan menikmati pelbagai keindahan alam pada kos yang amat menjimatkan. Kejatuhan Won bagi mereka ternyata memberi kelebihan kepada pelancong rantau ini termasuk Malaysia berkunjung ke negara empat musim itu berbanding ke Jepun dan Eropah yang mahal.

Seperti negara pelancongan Asia lain yang menghadapi kemelut, Malaysia juga yakin industri itu mampu meraih banyak tukaran asing untuk meringankan beban berikutan kejatuhan ringgit serta masalah ekonomi kini.

Malah, atas keyakinan tinggi itulah, langkah tambahan yang diumumkan kerajaan baru-baru ini bagi mengatasi masalah ekonomi, mengarahkan institusi perbankan memberi keutamaan pengagihan kreditnya kepada aktiviti produktif yang menjana pertukaran asing seperti pelancongan dan berorientasikan eksport sahaja. Belanjawan negara juga menyaksikan beberapa insentif seperti pengecualian cukai 10 peratus dan pengecualian cukai jualan lima peratus, ke atas sewa bilik bagi semua hotel di negara ini untuk menarik lebih ramai pelancong datang ke negara ini. Meliputi komponen penginapan, makanan dan pengangkutan, industri pelancongan juga dapat menjadi penghalang kukuh mengehadkan pengaliran keluar ringgit dengan menggalakkan rakyat tempatan melancong dalam negara sendiri.

Kegiatan pelancongan juga menuntut sesuatu yang kreatif dan bersifat antarabangsa bagi memastikan daya tahan dan persaingan. Seperti nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin lebih banyak acara antarabangsa perlu dianjurkan dan difikirkan oleh semua pihak untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong dan penyertaan asing. Kita akui kemudahan infrastruktur di Malaysia untuk menggalakkan industri itu

semakin baik dan bertaraf dunia seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), rangkaian lebuh raya, hotel dan pusat persidangan. Negara juga semakin terkenal dengan pelbagai pertandingan seperti Sukan Komanwel, pameran maritim dan angkasa, pertandingan golf dunia, perlumbaan motosikal basikal dan formula satu. Bagaimanapun, acara sebegini perlu diperbanyakkan lagi.

Perlu diingat, industri pelancongan tidak terhad kepada acara besar saja sebaliknya ia berhubung kait dengan promosi. Walaupun kita menyediakan bilik bermutu dan mencukupi dan acara besar lagi meriah, hanya promosi meluas saja menentukan kejayaannya. Selain itu, mereka yang terbabit juga perlu mengelak melakukan perkara yang boleh menimbulkan masalah hingga menyebabkan pelancong serik kembali. Perbuatan segelintir pihak tertentu, seperti layanan kurang mesra di hotel mudah menyebabkan pelancong yang mahu datang lagi mudah tukar fikiran.

(END)